

# Produk Farm Fresh ke Singapura hujung tahun



**LOI Tuan Ee (kanan) bersama Pengurus Operasi Allied Dairy, Loh Vii memeriksa botol produk Farm Fresh di kilangnya, Johor Bahru semalam.**

JOHOR BAHRU 6 Mac - Pengeluar produk berasaskan susu segar, Allied Dairy Sdn. Bhd. (Allied Dairy) merancang memperluaskan perniagaannya dengan memasuki pasaran Singapura menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusannya, Loi Tuan Ee berkata, keputusan untuk mengeksport produk di bawah jenama Farm Fresh ke negara jiran itu dibuat ekoran permintaan tinggi terhadap produk yang dihasilkan daripada 100 peratus susu segar tanpa bahan pengawet dan gula.

Biarpun Farm Fresh pada masa ini hanya mempunyai tiga produk iaitu susu segar, susu rendah lemak dan yogurt, beliau yakin rangkaian minuman yogurt yang bakal diperkenalkan tidak lama lagi mampu mendapat sambutan baik daripada pelanggan.

"Syarikat Allied Dairy ini bermula pada 2010 dan dalam tempoh itu, produk kami mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Malah, mereka mula sedar susu segar ini lebih enak dan sihat berbanding yang ada dalam pasaran.

"Berdasarkan maklum balas itu, kita yakin produk Farm Fresh ini boleh menembusi pasaran di Singapura memandangkan rakyatnya juga mementingkan kualiti sesuatu barangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kilang Allied Dairy yang dibina dengan kos RM6 juta di kawasan Perindustrian Larkin, di sini merupakan satu-satunya syarikat dimiliki rakyat tempatan yang menjalankan perniagaan mengeluarkan produk berasaskan susu segar.

Produk Farm Fresh yang mempunyai sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kini boleh didapati di pasar raya besar seperti Jusco, Cold Storage, Mydin, Giant dan Carrefour.

Tuan Ee berkata, dalam usaha mempelbagaikan produknya, Farm Fresh bakal memperkenalkan minuman yogurt dengan empat perisa iaitu strawberi, oren, markisa dan beri biru sebelum penghujung tahun ini.

Beliau turut menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran produknya daripada 10 tan atau 10,000 botol sehari kepada 25 tan (25,000) botol sehari tidak lama lagi.